

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 26.10.2016 (RABU)

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan sama ada Kerajaan setuju bahawa 60% isi rumah di Malaysia hidup dalam keadaan kewangan yang tidak stabil dan tidak dapat menampung kos kehidupan yang tinggi. Apakah langkah Kerajaan untuk menurunkan beban golongan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Secara keseluruhannya, pendapatan isi rumah bulanan purata di Malaysia telah meningkat sebanyak 10.3% setahun. Keadaan ini menunjukkan kedudukan kewangan isi rumah berkembang berikutan peningkatan pendapatan isi rumah. Walau bagaimanapun, keadaan ekonomi global yang tidak menentu telah memberi kesan kepada kos sara hidup rakyat terutamanya kumpulan B40 atau berpendapatan rendah.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan melalui Agensinya melaksanakan beberapa program bertujuan untuk mengurangkan bebanan kos sara hidup yang meningkat, antaranya dengan membangunkan *MyFarm Outlet* sebagai pusat jualan alternatif untuk produk segar dengan jaminan kualiti dan harga yang menjimatkan. Di samping itu, Kementerian juga melaksanakan program kawalan harga barang seperti berikut:

- i) penguatkuasaan melalui **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** terhadap peniaga yang cuba menaikkan harga barangan dan disyaki mencatut;
- ii) penguatkuasaan di bawah **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993** di mana para peniaga diwajibkan meletak tanda harga ke atas barangan yang dijual atau mempamerkan senarai harga. Selain itu, Kerajaan turut mengadakan **program advokasi pematuhan** melalui perjumpaan secara bersemuka dengan para peniaga untuk memberi

- penjelasan dan khidmat nasihat agar memahami dan mematuhi undang-undang sedia ada;
- iii) pemantauan harga barangan keperluan harian pengguna dijalankan secara harian, mingguan dan bulanan oleh 1,067 Pegawai Pemantau Harga di seluruh negara. Data pemantauan tersebut akan dianalisa bagi mendapatkan trend harga terkini;
 - iv) program **Kempen Harga Berpatutan** bagi memastikan rakyat terus mendapat bekalan barangan pada harga yang terendah. Pelbagai pasar raya besar, pasar raya dan pasar mini di seluruh negara telah mengambil bahagian dalam kempen ini dengan penawaran diskaun sehingga 70% bagi produk-produk terpilih;
 - v) program **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** sebagai satu alternatif untuk menyekat kenaikan harga yang tidak munasabah semasa permintaan tinggi pada musim-musim perayaan seperti Hari Gawai, Pesta Keamatan, Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas;
 - vi) jualan barangan keperluan dengan harga yang lebih murah melalui **Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M)** dan **Kedai Kain Rakyat 1Malaysia (KKR1M)**;
 - vii) pelaksanaan **Program Penyeragaman Harga** sejak tahun 2009 bagi memastikan pengguna di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak turut menikmati harga barangan kawalan yang sama seperti di kawasan bandar. Melalui Program ini, Kerajaan **menanggung kos pengangkutan** barang-barang keperluan ke kawasan luar bandar bagi memastikan rakyat di kawasan pedalaman boleh mendapatkan barang-barang keperluan iaitu

beras, gula, minyak masak, tepung gandum, gas memasak (LPG), petrol RON 95 dan diesel pada harga yang dikawal oleh kerajaan;

- viii) inisiatif **Mobile KR1M** iaitu penyeragaman harga runcit barangan antara kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung untuk faedah penduduk Sabah dan Sarawak. Kerajaan telah **menanggung kos pengangkutan laut dan darat (door to door)** untuk membawa barangan kawalan bersubsidi dari pelabuhan Semenanjung ke pelabuhan di Sabah, Sarawak dan Labuan dan seterusnya kos pengangkutan darat (LCL) ke kedai-kedai KR1M dan Kedai Coop1Malaysia; dan
- ix) program **Kedai Harga Patut** ialah premis perniagaan yang menjual barangan pada harga yang berpatutan dan kompetitif tanpa mengabaikan kualiti dan perkhidmatan jualan.

Melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang disebutkan, Kerajaan berharap agar kesan peningkatan kos sara hidup rakyat dapat ditangani demi kesejahteraan dan kelangsungan hidup rakyat negara ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-13
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN

TARIKH : 26 OKTOBER 2016 (RABU)

SOALAN :

YB Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Program empower ECER berjaya menangani masalah kemiskinan luar bandar dan golongan bawahan 40% (B40) di Wilayah ECER.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Empower ECER merupakan Program Modal Insan yang merangkumi Program Akademik bagi meningkatkan prestasi pelajar yang kurang cemerlang, dan Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan untuk orang dewasa bagi meningkatkan pendapatan mereka.

Di bawah Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan, sehingga kini seramai 14,095 peserta telah terlibat mengambil bahagian dan menerima manfaat daripada program ini. Daripada jumlah ini, seramai 13,813 peserta atau 98% adalah merupakan golongan miskin dan golongan B40. Seramai 11,000 peserta pula telah berjaya membuka perniagaan sendiri dan meraih purata pendapatan bulanan sebanyak RM3,500.00 sebulan. Program ini juga telah melahirkan tenaga kerja mahir di mana seramai 300 orang peserta terlibat telah mendapat pekerjaan dengan pendapatan melebihi RM1,500.00 sebulan. Sementara peserta-peserta yang mengikuti kursus *Occupational Safety and Health (OSH)* ada di antaranya dapat menjana pendapatan sehingga lebih RM10,000.00 sebulan.

Program Akademik pula adalah program yang bertujuan untuk membantu meningkatkan prestasi akademik para pelajar. Seramai 41,004 orang pelajar miskin dan dari golongan B40 yang mempunyai pencapaian akademik sederhana dan lemah terlibat dalam program ini. Daripada jumlah ini, 70% pelajar telah berjaya meningkatkan prestasi akademik mereka. Manakala 15% pelajar daripada jumlah

tersebut berjaya memperoleh keputusan 5A ke atas dalam peperiksaan UPSR, PT3 dan SPM.

Sekian, terima kasih.